

Noor  
Mohamad  
Shaki  
Hameed



**P**endedahan laporan pembabit mahasiswa dalam kumpulan keganasan sewajarnya membuka mata dan merisaukan kita. Generasi muda yang diharap memikul amanah meneruskan kesinambungan dan legasi kecemerlangan negara ini tidak boleh dibiarkan terjebak dan hanyut dalam aktiviti tidak berfaedah.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Counter Terrorism Cawangan Khas Bukit Aman, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, 44 pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta di negara ini dikesan terbabit dalam kegiatan keganasan termasuk militan Daish sejak 2001.

Daripada jumlah itu, 19 pelajar dilaporkan menyertai militan Daish, 16 dalam Jemaah Islamiah (JI) manakala sembilan lagi kumpulan al-Qaeda. Bagi penulis, ini adalah pendedahan cukup menggerunkan. Ayob mengakui jumlah pelajar IPT yang menyertai kumpulan keganasan mungkin terus meningkat memandangkan kegiatan mereka direkrut melalui media sosial manakala selebihnya secara pertemuan langsung termasuk usrah.

Berdasarkan situasi ini, jelas kita perlu mengambil tindakan intervensi dan pencegahan yang sewajarnya supaya kegiatan kumpulan militan seperti ini dapat dikendalikan, ditangani dan dihapuskan. Walaupun mungkin kelihatan agak sukar terutamanya apabila mereka bergerak aktif melalui media sosial, ia tidak mustahil untuk dilakukan jika semua pihak yang terbabit bergabung tenaga dan menghulurkan kerjasamanya.

Media sosial memang sukar dikawal dan dipantau sepanjang masa, tambahan pula golongan mahasiswa cukup ketagih dan obses dengan media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter. Justeru, kita perlu cari jalan untuk menanam semangat jati diri yang kental dalam diri setiap belia dan mahasiswa kita supaya ia menjadi benteng agar mereka tidak mudah dipengaruhi ideologi songsang dan janji manis kumpulan militan itu.



## Bendung mahasiswa terjebak keganasan

Antara kaedah meningkatkan daya tahan dan jati diri mereka ialah melalui pelbagai-kempen kesedaran dan kursus. Perkara ini perlu dilakukan dalam dua peringkat iaitu sekolah dan IPT. Hakikatnya pada hari ini pelajar sekolah mula ketagih dengan media sosial dan mereka kelihatan amat mudah untuk dipengaruhi. Maka proses kesedaran dan pencegahan perlu dimulakan di peringkat sekolah sebelum mereka melangkah ke IPT.

Proses ini perlu diteruskan IPT ketika menyambut kedatangan pelajar baru sehingga mereka tamat penga-

jian. Kumpulan usrah misalnya sudah lama bergerak aktif di peringkat IPT dan agak sukar untuk dipantau dan dibendung. Malah, berdasarkan pengalaman penulis, kumpulan usrah ini biasanya bergerak dari bilik ke bilik.

Kita tidak menyalahkan kumpulan usrah sepenuhnya kerana secara prinsipnya mereka berniat baik, cuma bimbang ada yang ambil kesempatan, menyalah-

guna dan menyebarkan ideologi yang songsang. Jadi kita perlu pastikan mahasiswa mendapat maklumat secukupnya sejak di bangku sekolah supaya dapat mena-

nam rasa benci terhadap aktiviti keganasan.

Penulis juga bersetuju dengan saranan polis supaya IPT terus memantau pergerakan mahasiswa bagi membendung pengaruh militan termasuk Daish meresapi pemikiran mereka. Kebiasaannya mahasiswa menginap di dalam dan luar kampus. Justeru, proses pemantauan ini perlu berlaku ke atas kedua-dua kelompok itu secara serius.

Cadangan penulis bagi yang menginap di kampus, pengurusan asrama atau kolej kediaman perlu melakukan pemantauan secara rapi dan berkala di samping mengadakan pelbagai program kesedaran secara berterusan. Pemantauan perlu fokus kepada aktiviti usrah dan men-

jurus kepada kegiatan militan.

Bagi yang menginap di luar kampus, pihak IPT wajar mengadakan kerjasama dengan pihak berkuasa seperti polis supaya mereka dapat mempergiatkan aktiviti pemantauan secara berkala.

Apapun kita amat berharap ibu bapa dapat memainkan peranan penting dalam isu ini. Mereka perlu sentiasa memberi nasihat dan ingatan supaya anak-anak tidak terbabit dalam aktiviti yang boleh menghancurkan masa depan mereka serta ketenteraman negara.

Golongan mahasiswa juga usah mudah terpengaruh dengan pelbagai pujukan dan ideologi kumpulan tertentu yang sering menggunakan

topeng agama untuk memanipulasi situasi. Gunakanlah akal fikiran yang waras serta ilmu yang dipelajari di IPT untuk menepis segala pengaruh tidak sihat.

Semoga pendedahan laporan ini membuka mata semua pihak supaya kita tidak leka dan sentiasa berhati-hati agar anak muda negara ini tidak hanyut dan lemas dalam aktiviti kumpulan keganasan yang turut mencemarkan nama baik agama Islam di seluruh dunia. Semoga mahasiswa kita tidak hanyut dan melindungi mereka daripada kumpulan militan adalah tanggungjawab kita bersama.

**Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia**